

KPDNHEP guna IEMS sepenuhnya

Penguatkuasaan harga barang akan menjadi lebih tersusun

KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggunakan sepenuhnya Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu (IEMS) semalam bagi melaksanakan pemeriksaan harga barang.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, melalui sistem itu, penguatkuasaan harga barang akan menjadi lebih tersusun, manakala pelaksanaan IEMS ke seluruh negara akan dilakukan secara berperingkat.

“Dengan sistem ini, pelaksanaan secara manual sebelum ini akan ditukar dengan sistem lebih kemas, sebagai contoh, dahulu penguat kuasa kepit buku kompaun celah ketiak,



Saifuddin membantu seorang pembeli ketika membuat tinjauan harga barang sempena SHMMP Tahun Baru Cina 2020 dan melancarkan IEMS di Kuala Lumpur semalam.

sekarang ia boleh dikeluarkan secara elektronik dengan alatan yang telah diprogramkan,” katanya selepas melancarkan IEMS di sini semalam.

Sistem berkenaan juga akan mengurangkan kesilapan manusia, memperkemas rekod dan mengelak persepsi negatif bahawa jumlah saman boleh dimanipulasi.

Beliau berkata, setakat ini

sistem tersebut akan dilaksanakan di enam negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Selangor, Perlis dan Negeri Sembilan.

Menurutnya, pegawai penguat kuasa KPDNHEP memeriksa antara 700,000 hingga 800,000 premis setiap tahun dan mengeluarkan kompaun antara RM3.5 juta hingga RM4 juta setahun.

“Kesalahan tidak memparmerkan tanda harga dan menggunakan alat penimbang lama adalah antara kesalahan paling banyak dilakukan peniaga di negara ini,” katanya.

Sementara itu, Saifuddin berkata, sebanyak 16 jenis barang dikawal harganya di bawah pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan

Tahun Baru Cina tahun ini iaitu tambahan tiga barang berbanding sebanyak 13 barang pada musim perayaan yang sama tahun lalu.

Menurutnya, tiga tambahan barang itu ialah cili merah, tomato dan ubi kentang import dari China.

“Penentuan harga barang bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barang import,” katanya.

Beliau juga berpuas hati dengan harga barang di NSK Trade City yang disifatkan amat rendah sempena sambutan perayaan tahun ini.

“Tanda harga dipamerkan dengan jelas. Harga yang dijual pengurangannya sangat ketara, misalnya, cili merah yang patut dijual dengan harga RM13 se-kilogram tetapi ditawarkan pada harga RM8.88.

“Pemeriksaan akan dilakukan dari masa ke masa di premis terpilih sepanjang tempoh pelaksanaan skim berkenaan,” kata Saifuddin. - Bernama

HARI : ..
TARIKH : ..
M/SURAT : ..
SELASA
21/1/2020
15